

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

TARIKH : 19 JUN 2014

RUJUKAN : 6921

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- a) Apakah langkah kerajaan dalam memerangi masalah penagihan dadah seperti '*career addicts*' yang diistiharkan oleh Presiden PENGASIH sebagai golongan pekerja yang mempunyai kerjaya dan masa yang sama mengambil dadah secara berterusan;
- b) Sejauhmanakah keberkesanan Modul Terapi Kekeluargaan (TC) yang digunakan oleh Rumah Pengasih dan PUSPEN dapat membantu pemulihan penagih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah kerajaan dalam memerangi masalah penagihan dadah seperti '*career addicts*' yang diistiharkan oleh Presiden PENGASIH sebagai golongan pekerja yang mempunyai kerjaya dan masa yang sama mengambil dadah secara berterusan adalah dengan menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pemulihan secara sukarela di 12 buah Klinik Cure & Care dan 62 buah Cure & Care Service Centre (CCSC). Mereka boleh mendapatkan perkhidmatan secara percuma sama ada secara *inpatient* atau *outpatient*.

Terdapat dua (2) kajian keberkesanan Modul Terapi Kekeluargaan (TC) yang digunakan di Rumah PENGASIH Kuala Lumpur. Kajian pertama pada tahun 2002 oleh Persatuan Psikologi Malaysia mendapati 62% dari residen/klien yang mengikuti program TC di PENGASIH selepas dua tahun menamatkan program. Kedua, kajian antarabangsa oleh National Drug Research Institute (NDRI) pada tahun 2012 yang melibatkan tiga (3) Negara iaitu Amerika Syarikat, China dan Malaysia mendapati bahawa input agama dan kekeluargaan yang digabungkan dengan TC di PENGASIH menyumbang kepada kejayaan program rawatan dadah mereka.

Manakala pada tahun 2006, di PUSPEN (sekarang dikenali CCRC), kajian membandingkan tahap kepuasan klien dalam kalangan PUSPEN yang menjalankan TC seperti Sg Besi dan Papar dengan PUSPEN yang menjalankan program psikososial mendapati

bahawa klien di PUSPEN yang mengikuti program TC lebih ramai yang berpuas hati dengan program rawatan, hubungan dengan pegawai dan hubungan sesama klien. Kajian turut mendapati bahawa klien lebih positif menerima program rawatan TC berbanding dengan program psikososial.

Secara ringkasnya, TC berkesan dalam rawatan dan pemulihan dadah. Walaubagaimanapun, sekiranya kerajaan perlu melaksanakan TC secara keseluruhan, maka pusat pemulihan kerajaan yang ingin menggunakan pendekatan ini perlu bekerjasama dengan NGO yang mahir dengan kaedah TC kerana ianya perlu dilaksanakan bersama dengan bekas pengguna dadah. Model TC yang digunakan di Sungai Besi suatu ketika dahulu adalah satu model yang dilihat sebagai berjaya. Kerjasama ini meliputi rekabentuk program, konsultansi, latihan menjalankan program dan pinjaman kakitangan.